

Tak cadang tambah hukuman

Kementerian Pengangkutan tidak bercadang meminda Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 bagi meningkatkan had hukuman terhadap pemandu yang memnadu secara melulu dan merbahaya sehingga menyebabkan kematian.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata peruntukan sedia ada iaitu hukuman penjara sehingga 10 tahun, denda maksimum RM20,000 serta hilang kelayakan memegang lesen memandu sehingga tiga tahun bagi sabitan pertama, manakala 10 tahun bagi sabitan seterusnya disifatkan sebagai hukuman berat.

SUMBER : BERITA HARIAN | M/S: 20 | 10 MAC 2017